

PENGUNJUNG  
bermain dengan  
kucing.



## Santai sambil belai meow di Kafe Kucing

Harian Metro 25/11/16

**Seremban:** Penggemar kucing yang tidak sempat memelihara haiwan berkenaan kini mampu menarik nafas lega apabila sebuah pusat dikenali 'Kafe Kucing' Joe Cattery & Waffle House dibuka di Pusat Komersial Universiti, Seremban 3, di sini.

Premis perniagaan yang mula beroperasi Isnin lalu dikendalikan dua sahabat yang berkongsi minat terhadap kucing.

Pemilik kafe, Alias Karim, 29, berkata, cetusan idea membuka perniagaan itu timbul apabila dia dan rakannya, Khairul Mohamed, 44, mempunyai minat yang sama.

"Melihat segelintir peminat kucing tidak berkesempatan memelihara haiwan ini disebabkan kekangan masa membuatkan kami mewujudkan perniagaan ini.

"Mereka boleh berkunjung ke sini bermain bersama-sama kucing pada waktu lapang sambil beristirahat dengan melihat gelagat atau aksi kucing ini.

"Kami turut menyediakan ruang membaca novel dan menjual pelbagai juaah seperti spageti, aiskrim dan beberapa menu Barat

yang lain," katanya ketika ditemui di premisnya, semalam.

Alias berkata, di premis itu mempunyai 15 ekor kucing yang terdiri daripada pelbagai spesies.

"Antaranya british shorthair, exotic shorthair, chinchilla, munchkin dan beberapa spesies lagi.

"Setiap kucing ini disuntik vaksin bagi mengelakkan penyakit dan diberi makanan berkualiti tinggi. Di ruang premis diletakkan pembersih udara bagi mengelakkan bau kucing," katanya.

Menurutnya, premis itu beroperasi setiap hari bermula jam 10 pagi sehingga 10 malam.

"Setiap pengunjung dikenakan bayaran RM5 bagi satu jam pertama dan hanya perlu menambah RM3 bagi jam berikutnya. Dengan bayaran itu, mereka diberi air kotak percuma dan boleh melayari Internet di premis ini," katanya.

Pengunjung, Nur Khairunnisa Ameran, 22 berkata, dia mementingkan kucing, namun disebabkan masih menuntut di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seremban 3, dia tidak dapat bermain dengan haiwan berkenaan.